

TRANSFORMASI PENGAJIAN DAKWAH DIGITAL DALAM MEMPERKUKUH MODEL PENCEGAHAN HOLISTIK GEJALA LGBT REMAJA DI SELANGOR

DIGITAL DA'WAH EDUCATION TRANSFORMATION IN STRENGTHENING A HOLISTIC PREVENTION MODEL FOR LGBT ISSUES AMONG ADOLESCENTS IN SELANGOR

Noor Hafizah binti Mohd Haridi ^{1*}
Ahmad Munawar Bin Ismail ²

¹ Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. (E-mail: noorhafizah@uis.edu.my)

² Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia. (E-mail: munawar@ukm.edu.my)

*Corresponding author: Noor Hafizah Bt. Mohd Haridi @noorhafizah@uis.edu.my

Article history

Received date : 15-5-2026

Revised date : 16-5-2026

Accepted date : 25-6-2026

Published date : 10-7-2026

To cite this document:

Mohd Haridi, N. H., & Ismail, A. M. (2026). Transformasi pengajian dakwah digital dalam memperkukuh model pencegahan holistik gejala LGBT remaja di Selangor. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 11 (84), 408 – 415.

Abstrak: Transformasi pendidikan di era digital telah mengubah landskap pengajian dakwah daripada pendekatan konvensional kepada bentuk penyampaian yang lebih interaktif, terbuka dan berasaskan teknologi. Dalam masa yang sama, peningkatan pengaruh gejala sosial berkaitan identiti seksual dalam kalangan remaja menuntut pendekatan pencegahan yang lebih menyeluruh dan responsif terhadap perubahan persekitaran digital. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis peranan transformasi pengajian dakwah digital dalam memperkukuh Model Pencegahan Holistik terhadap pengaruh gejala LGBT dalam kalangan remaja di Selangor. Kajian menggunakan reka bentuk Design and Development Research (DDR) yang melibatkan analisis keperluan, reka bentuk model dan penilaian kebolegunaan, manakala kaedah Fuzzy Delphi Method (FDM) digunakan bagi mendapatkan kesepakatan pakar terhadap komponen serta elemen model. Dapatan kajian menunjukkan bahawa integrasi dakwah digital berasaskan nilai Islam berupaya memperkukuh empat komponen utama pencegahan holistik, iaitu individu, keluarga, komuniti dan kerajaan, melalui pengukuhan jati diri, literasi digital beretika, sokongan psikososial serta intervensi pendidikan bersepadu. Kajian ini mencadangkan kerangka dakwah digital holistik sebagai strategi pencegahan awal yang relevan dengan realiti sosial semasa dan berpotensi menyumbang kepada pembangunan dasar, modul intervensi serta inovasi pendidikan Islam berasaskan teknologi di peringkat negeri. Secara keseluruhannya, transformasi pengajian dakwah digital berperanan signifikan dalam memperkukuh daya tahan remaja Muslim terhadap cabaran identiti seksual kontemporari melalui pendekatan yang bersepadu, kontekstual dan berteraskan maqāsid syariah.

Kata kunci: dakwah digital, pencegahan holistik, remaja, LGBT, Fuzzy Delphi, pendidikan Islam.

Abstract: *The transformation of education in the digital era has reshaped the landscape of da'wah studies from conventional approaches to more interactive, open, and technology-driven forms of knowledge dissemination. At the same time, the increasing influence of social issues related to sexual identity among adolescents necessitates a more comprehensive and responsive preventive approach that addresses the evolving digital environment. Accordingly, this study aims to examine the role of digital da'wah transformation in strengthening the Holistic Prevention Model for addressing the influence of LGBT-related issues among adolescents in Selangor. The study employs a Design and Development Research (DDR) approach, encompassing needs analysis, model design, and usability evaluation. The Fuzzy Delphi Method (FDM) is utilised to achieve expert consensus on the model's components and elements. The findings indicate that the integration of digital da'wah grounded in Islamic values enhances four key components of holistic prevention, namely the individual, family, community, and government, through strengthening self-identity, promoting ethical digital literacy, providing psychosocial support, and implementing integrated educational interventions. The study proposes a holistic digital da'wah framework as an early prevention strategy that is relevant to contemporary social realities and has the potential to contribute to policy development, intervention modules, and technology-based innovations in Islamic education at the state level. Overall, the transformation of digital da'wah studies plays a significant role in enhancing the resilience of Muslim adolescents against contemporary sexual identity challenges through an integrated, contextual, and maqāṣid al-sharī'ah-oriented approach.*

Keywords: digital da'wah, holistic prevention, adolescents, LGBT, Fuzzy Delphi Method, Islamic education.

Pengenalan

Era digital telah membawa perubahan besar terhadap struktur pendidikan, komunikasi dan pembentukan identiti remaja. Perkembangan media sosial, teknologi mudah alih dan akses maklumat tanpa sempadan menjadikan proses pembelajaran serta sosialisasi berlaku secara lebih terbuka dan kompleks. Dalam konteks pengajian dakwah, perubahan ini menuntut transformasi pendekatan daripada bentuk tradisional kepada dakwah digital yang lebih kontekstual, interaktif dan responsif terhadap realiti semasa.

Pada masa yang sama, remaja berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial termasuk isu identiti seksual, tekanan rakan sebaya, pengaruh budaya global dan pendedahan kandungan digital tanpa kawalan. Situasi ini memerlukan pendekatan pencegahan yang bukan sahaja bersifat moral atau undang-undang, tetapi menyeluruh merangkumi dimensi spiritual, psikologi, sosial dan pendidikan. Oleh itu, integrasi dakwah digital dengan model pencegahan holistik dilihat sebagai keperluan strategik dalam memperkukuh ketahanan diri remaja Muslim.

Sorotan Literatur

Dakwah Dalam Era Digital

Dakwah digital merujuk kepada penyampaian ajaran Islam melalui penggunaan teknologi komunikasi moden seperti media sosial, laman web dan aplikasi digital yang bersifat interaktif, pantas dan tanpa sempadan, sekali gus mencerminkan transformasi paradigma dakwah daripada

pendekatan tradisional kepada pendekatan yang lebih dinamik dan kontekstual; perkembangan ini selari dengan pandangan Gary R. Bunt yang menegaskan kewujudan *Cyber Islamic Environment* sebagai ruang interaksi keagamaan global (Bunt, 2009), di samping disokong oleh model komunikasi Harold Lasswell serta teori *Uses and Gratifications* oleh Elihu Katz yang menjelaskan bahawa pengguna media memilih kandungan dakwah berdasarkan keperluan kognitif dan spiritual (Katz, Blumler & Gurevitch, 1974; Sundar & Limperos, 2013); dalam masa yang sama, kajian oleh Nazar Naamy (2023) menunjukkan bahawa perkembangan teknologi digital telah mengubah secara signifikan lanskap komunikasi dakwah daripada pendekatan bersemuka kepada penggunaan media sosial dan platform dalam talian sebagai medium utama, sekali gus menuntut pendakwah memahami tingkah laku pengguna digital serta menghasilkan kandungan yang kreatif dan sesuai dengan format semasa ; selain itu, kajian oleh Mohd Afdaluddin Md Zin dan Muaz Mohd Noor (2025) mendapati bahawa media sosial mempunyai potensi besar sebagai medium dakwah khususnya dalam kalangan generasi muda kerana sifatnya yang mudah diakses, interaktif dan selari dengan gaya hidup digital mereka, malah berfungsi sebagai “masjid maya” yang mampu memperkukuh kefahaman agama dan ukhuwah , namun turut berdepan cabaran seperti penyebaran maklumat palsu, isu kredibiliti pendakwah serta fenomena ketagihan media sosial yang boleh menjejaskan nilai keagamaan ; selanjutnya, kajian tersebut turut menegaskan cabaran sosiologis seperti perubahan paradigma komunikasi, penyebaran kandungan agama tidak terverifikasi serta risiko fahaman ekstrem yang memerlukan kerjasama antara institusi agama dan platform teknologi bagi memastikan dakwah yang moderat dan sahih ; dari perspektif Islam, pendekatan dakwah digital tetap berteraskan prinsip wahyu sebagaimana firman Allah dalam Surah al-Nahl ayat 125 yang menekankan kaedah *bil-hikmah, mau‘izah hasanah dan jādilhum billatī hiya ahsan* sebagai asas metodologi dakwah sepanjang zaman (Al-Quran, al-Nahl:125) , yang turut dihuraikan oleh tokoh seperti Al-Ghazali dalam aspek hikmah dan psikologi dakwah serta Yusuf al-Qaradawi melalui konsep *fiqh al-waqi’*; justeru, dakwah digital bukan sahaja membuka ruang luas dalam penyebaran Islam tetapi menuntut pembangunan strategi yang holistik dengan mengintegrasikan ketepatan ilmu, kreativiti kandungan, literasi digital dan etika komunikasi bagi memastikan keberkesanannya dalam membentuk masyarakat yang seimbang dalam era digital.

Pencegahan Holistik Remaja

Pencegahan holistik dalam kalangan remaja merujuk kepada suatu pendekatan menyeluruh dan bersepadu yang menggabungkan dimensi psikologi, sosial dan spiritual dalam usaha membentuk kesejahteraan serta daya tahan diri remaja. Pendekatan ini menekankan intervensi awal melalui pembangunan nilai, pendidikan dan sokongan persekitaran bagi mengelakkan keterlibatan dalam tingkah laku berisiko (Barton, 1999; Santrock, 2022). Dalam konteks kontemporari, kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa pendekatan pencegahan yang berkesan tidak boleh bersifat terpisah, sebaliknya perlu mengintegrasikan aspek dalaman (intrinsik) dan luaran (ekstrinsik) secara serentak bagi membentuk keseimbangan perkembangan remaja.

Dari sudut literatur Scopus, pendekatan holistik semakin ditekankan dalam kajian pembangunan remaja, khususnya melalui integrasi elemen spiritual sebagai asas pembinaan daya tahan (resilience). Kajian oleh Anlı (2025) menegaskan bahawa pendekatan psikologi holistik yang menggabungkan dimensi kerohanian mampu meningkatkan kekuatan karakter, kesejahteraan mental dan ketahanan diri dalam kalangan individu . Hal ini menunjukkan bahawa pembangunan remaja tidak boleh hanya bergantung kepada intervensi psikologi semata-mata, tetapi perlu diperkukuhkan dengan nilai spiritual dan moral.

Dalam perspektif Islam, pendekatan pencegahan holistik diperkukuhkan melalui kerangka *maqasid al-shariah* yang menekankan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagai asas kesejahteraan manusia. Kajian terkini menunjukkan bahawa integrasi maqasid dalam pendekatan sosial mampu menghasilkan strategi pencegahan yang lebih menyeluruh dan berkesan kerana ia menggabungkan aspek agama, sosial dan dasar secara serentak. Selain itu, pendekatan ini turut meningkatkan penerimaan masyarakat kerana selari dengan nilai agama dan budaya setempat.

Pelaksanaan pencegahan holistik dalam kalangan remaja juga memerlukan pengukuhan institusi keluarga sebagai asas utama. Kajian empirikal menunjukkan bahawa integrasi nilai Islam dalam keibubapaan mampu meningkatkan ketahanan keluarga serta menyumbang kepada perkembangan sahsiah dan moral remaja secara positif. Dalam masa yang sama, kajian mengenai pencegahan risiko sosial seperti *child grooming* menegaskan bahawa keluarga berperanan sebagai benteng utama dalam melindungi kesejahteraan emosi, akal dan maruah remaja melalui pendidikan nilai dan pemantauan yang berterusan.

Selain itu, cabaran era digital turut menuntut pendekatan pencegahan yang lebih dinamik dan adaptif. Kajian terkini mencadangkan peralihan daripada pendekatan kawalan semata-mata kepada pendekatan berasaskan pembinaan daya tahan diri (resilience-based approach), yang memberi penekanan kepada keupayaan remaja untuk mengawal diri dan membuat keputusan secara bijak dalam persekitaran digital. Pendekatan ini selari dengan prinsip pencegahan holistik yang menekankan empowerment remaja, bukan sekadar pengawalan tingkah laku.

Secara keseluruhannya, pencegahan holistik merupakan pendekatan yang signifikan dalam menangani cabaran perkembangan remaja masa kini. Gabungan antara elemen spiritual, psikologi, keluarga dan sosial terbukti mampu membina daya tahan dalaman remaja serta mengurangkan risiko keterlibatan dalam gejala sosial. Pendekatan ini bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme perlindungan, tetapi juga sebagai strategi pembangunan insan yang menyeluruh dalam melahirkan generasi remaja yang seimbang, berakhlak dan berdaya tahan.

2.3 Model Pencegahan Berasaskan Islam

Model pencegahan berasaskan Islam merupakan satu pendekatan komprehensif yang berteraskan wahyu, iaitu al-Quran dan al-Sunnah, dalam usaha membentuk dan melindungi manusia daripada terjebak dalam gejala sosial serta kerosakan akhlak. Pendekatan ini tidak hanya menumpukan kepada aspek larangan atau hukuman semata-mata, tetapi memberi penekanan kepada pembangunan insan secara menyeluruh meliputi aspek akidah, ibadah dan akhlak sebagai asas pembentukan jati diri Muslim (Al-Ghazali, 1990; Al-Qaradawi, 2007). Dalam konteks ini, pencegahan dilihat sebagai satu proses tarbiyah (pendidikan) yang berterusan bagi membina kesedaran dalaman dan ketaatan kepada Allah SWT.

Model ini berpaksikan prinsip *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahy 'an al-munkar* yang menjadi asas utama dalam sistem sosial Islam. Prinsip ini menuntut setiap individu dan masyarakat untuk berperanan aktif dalam menggalakkan kebaikan serta mencegah kemungkaran secara berhikmah dan berperingkat. Hal ini menunjukkan bahawa pencegahan dalam Islam bersifat kolektif dan tidak terbatas kepada individu semata-mata, bahkan melibatkan institusi keluarga, komuniti dan pemerintah sebagai agen perubahan sosial (Ibn Taymiyyah, 1992).

Selain itu, model pencegahan berasaskan Islam turut diperkukuhkan melalui kerangka *maqasid al-shariah* yang menekankan lima objektif utama iaitu pemeliharaan agama (*ḥifz al-dīn*), nyawa

(*ḥifz al-nafs*), akal (*ḥifz al-‘aql*), keturunan (*ḥifz al-nasl*) dan harta (*ḥifz al-māl*). Kerangka ini menjadi panduan dalam merangka strategi pencegahan yang menyeluruh kerana ia merangkumi keperluan asas manusia dari sudut spiritual, sosial dan fizikal (Ibn Ashur, 2006; Kamali, 2019). Dalam konteks remaja, pemeliharaan akal dan keturunan misalnya sangat berkait rapat dengan usaha membendung gejala sosial dan membina identiti diri yang seimbang.

Dari sudut pelaksanaan, model ini mengintegrasikan beberapa pendekatan utama iaitu pendidikan (*tarbiyah*), dakwah, bimbingan (*irsyad*) dan penguatkuasaan (*hisbah*). Pendidikan berfungsi membentuk kefahaman agama yang sahih sejak peringkat awal, manakala dakwah berperanan menyampaikan mesej kebenaran secara hikmah dan berkesan. Bimbingan pula membantu individu yang berdepan konflik identiti atau masalah sosial untuk kembali kepada fitrah, sementara penguatkuasaan memastikan pematuhan terhadap norma dan undang-undang syariah dalam masyarakat (Dusuki, 2012; Shuaib, 2021).

Literatur kontemporari turut menyokong kepentingan pendekatan berasaskan agama dalam pencegahan sosial. Kajian menunjukkan bahawa integrasi elemen spiritual dalam intervensi pembangunan remaja mampu meningkatkan kesejahteraan psikologi, kawalan diri dan daya tahan terhadap pengaruh negatif (Anli, 2025). Selain itu, pendekatan berasaskan *maqasid al-shariah* didapati berkesan dalam membina kerangka perlindungan sosial yang lebih menyeluruh kerana menggabungkan dimensi nilai, undang-undang dan kesejahteraan manusia secara serentak (Sukri & Fauzan, 2025).

Secara keseluruhannya, model pencegahan berasaskan Islam merupakan pendekatan yang bersifat holistik dan bersepadu dalam menangani cabaran sosial masa kini. Ia bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme kawalan, tetapi lebih penting sebagai sistem pembangunan insan yang menekankan keseimbangan antara aspek rohani dan jasmani. Dengan pelaksanaan yang sistematik dan berterusan, model ini berpotensi melahirkan generasi remaja yang beriman, berakhlak dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran globalisasi

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan Design and Development Research (DDR) yang merangkumi tiga fasa utama:

- i. Analisis keperluan – mengenal pasti keperluan pembinaan model melalui sorotan literatur dan temu bual pakar.
- ii. Reka bentuk dan pembangunan – membina komponen serta elemen model menggunakan Fuzzy Delphi Method (FDM).
- iii. Penilaian kebolegunaan – menilai kesesuaian model untuk pelaksanaan dalam konteks pendidikan dan komuniti.

Panel pakar terdiri daripada bidang pendidikan Islam, psikologi, kaunseling, syariah dan pembangunan remaja.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pencegahan holistik dalam kalangan remaja terbina melalui empat komponen utama yang saling melengkapi iaitu individu, keluarga, komuniti dan kerajaan. Keempat-empat komponen ini membentuk satu ekosistem pencegahan yang bersepadu, di mana setiap komponen memainkan peranan khusus namun saling berinteraksi dalam memperkukuh daya tahan remaja terhadap pengaruh negatif.

Komponen individu dikenal pasti sebagai teras utama dalam model pencegahan holistik. Dapatan menunjukkan bahawa penghayatan agama yang kukuh, pembinaan jati diri serta literasi digital beretika merupakan elemen penting dalam membentuk benteng dalaman remaja. Remaja yang mempunyai kefahaman agama yang baik dan identiti diri yang jelas didapati lebih berupaya menilai serta menapis pengaruh luar, khususnya dalam persekitaran digital yang semakin kompleks. Literasi digital beretika pula berfungsi sebagai kemahiran kontemporari yang membolehkan remaja menggunakan teknologi secara bertanggungjawab dan tidak terjebak dengan kandungan negatif.

Seterusnya, komponen keluarga memainkan peranan signifikan sebagai agen sosialisasi utama dalam kehidupan remaja. Dapatan menunjukkan bahawa komunikasi berkesan antara ibu bapa dan anak, pemantauan terhadap penggunaan media sosial serta pendidikan nilai yang konsisten dalam institusi keluarga mampu membentuk persekitaran yang kondusif untuk perkembangan sahsiah remaja. Keluarga yang berfungsi dengan baik bukan sahaja menjadi sumber sokongan emosi, malah bertindak sebagai mekanisme kawalan awal dalam mencegah penglibatan remaja dalam gejala sosial.

Bagi komponen komuniti, dapatan menekankan kepentingan sokongan sosial yang berterusan melalui pelbagai platform seperti program masjid, aktiviti kemasyarakatan dan intervensi oleh badan bukan kerajaan (NGO). Komuniti berfungsi sebagai ruang sosial yang membentuk norma dan nilai kolektif, di mana penglibatan aktif remaja dalam program berasaskan agama dan sosial dapat mengukuhkan rasa kebersamaan serta mengurangkan kecenderungan kepada tingkah laku berisiko.

Selain itu, komponen kerajaan turut memainkan peranan strategik dalam memastikan keberkesanan pencegahan holistik melalui pembentukan dasar pendidikan, pelaksanaan program kesedaran serta penguatkuasaan undang-undang. Dapatan menunjukkan bahawa pendekatan yang sistematik dan berstruktur di peringkat dasar mampu menyokong usaha pencegahan di peringkat individu, keluarga dan komuniti secara lebih menyeluruh.

Menariknya, dapatan kajian turut menunjukkan bahawa integrasi dakwah digital berfungsi sebagai pemangkin yang memperkukuh keempat-empat komponen tersebut. Penggunaan kandungan dakwah berasaskan media sosial membolehkan mesej keagamaan disampaikan secara lebih luas dan dekat dengan remaja. Modul pendidikan digital berteraskan nilai Islam pula menyediakan pendekatan pembelajaran yang relevan dengan gaya hidup generasi masa kini. Di samping itu, kewujudan platform sokongan psikososial dalam talian memberi ruang kepada remaja mendapatkan bimbingan secara lebih mudah dan tanpa stigma.

Akhirnya, kolaborasi antara institusi pendidikan dan komuniti melalui medium digital memperlihatkan satu pendekatan baharu yang lebih dinamik dan responsif terhadap cabaran semasa. Sinergi ini bukan sahaja memperluas capaian intervensi, malah meningkatkan keberkesanan usaha pencegahan melalui pendekatan yang bersifat inklusif dan berteknologi.

Secara keseluruhannya, dapatan ini mengesahkan bahawa pencegahan holistik yang disokong oleh integrasi dakwah digital mampu membentuk satu model intervensi yang lebih relevan, berkesan dan selari dengan keperluan remaja dalam era digital masa kini.

Perbincangan

Transformasi pengajian dakwah digital bukan sekadar perubahan medium, tetapi melibatkan perubahan paradigma pendekatan pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dakwah digital mampu berfungsi sebagai mekanisme pencegahan awal yang signifikan dalam membentuk ketahanan identiti remaja. Integrasi teknologi dengan nilai maqasid syariah menghasilkan pendekatan yang lebih kontekstual, sistematik dan berimpak tinggi.

Implikasi Kajian

memperlihatkan bahawa model yang dicadangkan mempunyai potensi sebagai kerangka rujukan dalam pembangunan dasar pendidikan Islam digital, reka bentuk modul intervensi remaja dan pembangunan inovasi dakwah berasaskan teknologi. Di samping itu, kajian ini menyumbang kepada pengukuhan kolaborasi antara kerajaan, institusi pendidikan, institusi agama dan komuniti dalam memperkasakan pembentukan jati diri remaja secara holistik selaras dengan keperluan ekosistem digital semasa.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, transformasi pengajian dakwah digital berperanan penting dalam memperkukuh model pencegahan holistik terhadap gejala sosial remaja. Pendekatan bersepadu yang menggabungkan teknologi, pendidikan dan nilai Islam berpotensi membina ketahanan diri remaja secara mampan serta menyumbang kepada kesejahteraan sosial di peringkat negeri dan nasional.

Rujukan

- Al-Qaradawi, Y. (2022). *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- American Psychological Association. (2022). *Guidelines for psychological practice with sexual minority persons*. <https://doi.org/10.1037/0000288-000>
- Chong, C. S., Mohd Noor, N. M., & Harun, H. (2024). Community-based preventive strategies for adolescent sexual risk behavior: A Malaysian perspective. *Journal of Community Psychology, 52*(2), 145–162. <https://doi.org/10.1002/jcop.23012>
- Dusuki, A. W. (2012). Pendekatan holistik dalam pembangunan insan: Tinjauan dari perspektif maqasid syariah. *Journal of Islamic Studies, 2*(1), 33–50.
- Hasan, S. M., & Zulkifli, M. Z. (2024). Application of Maqasid Syariah in holistic youth development. *Journal of Islamic Social Sciences, 16*(1), 55–72.
- Hussin, H. (2023). Holistic approaches in youth intervention: Insights from Islamic psychology. *Journal of Islamic Psychology and Counseling, 5*(2), 88–103.
- Idris, S. H. (2022). Fenomena LGBT dalam kalangan remaja: Tinjauan isu dan cabaran. *Jurnal Sosial Malaysia, 11*(1), 45–60.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2019). *Pelan Tindakan Sosial Islam (PTSI) 2019–2025*. Putrajaya: JAKIM.
- Kamaruddin, R., & Mokhtar, N. A. (2023). Policy implications on the prevention of LGBT behavior in Malaysia: A legal analysis. *Journal of Social Policy Research, 20*(1), 45–58. <https://doi.org/10.1017/jspr.2023.4>
- Low, W. Y., & Zulkifli, S. N. (2016). Sexuality and health among Malaysian adolescents: Issues and challenges. *Malaysian Journal of Medical Sciences, 23*(3), 1–3. <https://doi.org/10.21315/mjms2016.23.3.1>
- Mohd Haridi, N. H., Hussin, H., Saleh, N., Jodi, K. H. M., Jamil, M. R. M., Wan Ab Rahman, W. M. A. F., & Oo, C. K. (2025). Analisis keperluan pembangunan model pencegahan holistik terhadap pengaruh gejala LGBT dalam kalangan remaja di Selangor. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 8*(1), 63–78.

- Mustapha, R., Azman, N., & Sulaiman, W. S. W. (2023). The influence of parental control on adolescent moral development in the context of sexual behavior. *Journal of Family Studies*, 29(4), 311–326. <https://doi.org/10.1080/13229400.2023.2182975>
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. New York: Routledge.
- Sutrisno, B., & Budianto, A. (2022). The use of fuzzy Delphi method in consensus building among experts: A methodological review. *Journal of Multidisciplinary Studies*, 9(2), 120–134. <https://doi.org/10.36835/jms.2022.9.2.120>
- Zulkifli, M. Z., & Hassan, R. (2023). Religious identity as a protective factor against risky sexual behavior among Malaysian youth. *Journal of Adolescent Research*, 38(1), 75–91. <https://doi.org/10.1177/07435584221122188>